



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENDARATAN IKAN NEGARA MEROSOT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1 & 2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	LADANG 15 UPM JADI PLATFORM PEMBELAJARAN, KETERJAMINAN MAKANAN, PENDIDIKAN, BERITA HARIAN, M/S – 20	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1

Faktor cuaca, bot asing dan kos operasi jejkaskan pendapatan nelayan

Pendaratan ikan negara merosot

Oleh YATIMIN ABDULLAH, ISWAN SHAFIQ ISA, TOREK SULONG, MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS, JAMALIAH NORDIN dan ERMA YUSNIDA JUSOH
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pendapatan nelayan di negara ini semakin merosot berikutan hasil tangkapan ikan di beberapa negeri mencatat penurunan ketara sejak bebe-

rapa tahun kebelakangan ini.

Trend penurunan tersebut direkodkan di Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang dengan kehilangan hasil berbilion ringgit dipercayai berpunca daripada pencerobohan bot asing, kos operasi yang meningkat dan faktor cuaca.

Ia bukan sahaja menjejaskan pendapatan para nelayan pantai dan laut dalam yang kebanyakannya adalah orang Me-

layu, tetapi juga memberi kesan kepada harga ikan di pasaran.

Malah, dibimbangi impak lebih besar akan mempengaruhi ekonomi negara yang selama ini turut disumbangkan melalui sektor perikanan susulan ketidakstabilan hasil tangkapan sumber protein utama itu.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Pendaratan ikan negara merosot

Dari muka 1

Di Pulau Pinang, jumlah pendaratan ikan menunjukkan penurunan agak ketara pada tahun lepas jika dibandingkan dengan kadar pendaratan ikan sekitar empat atau lima tahun sebelum itu.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan (DOF) negeri, sebanyak 39,231.34 tan metrik ikan berjaya didaratkan sepanjang tahun lepas berbanding 51,694.48 dan 56,848.52 tan metrik ikan yang didaratkan pada tahun 2019 dan 2020.

Ini menunjukkan kadar penurunan yang agak tinggi iaitu antara 12,463 sehingga 17,617.18 tan metrik sekali gus memberi kesan ekonomi serta nelayan itu sendiri.

Mengulas mengenai perkara itu, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, antara faktor yang menyumbang ke arah trend penurunan itu ialah pengurangan bot nelayan yang beroperasi sejak 2023 yang sekali gus menjejaskan kapasiti tangkapan harian.

Beliau berkata, berdasarkan data, bilangan bot atau vesel yang beroperasi menurun daripada 2,511 buah pada 2021 kepada hanya 2,168 buah pada 2024.

"Selain itu, keadaan cuaca buruk seperti ribut, hujan lebat dan laut bergelora juga menjejaskan keberadaan nelayan untuk turun ke laut secara konsisten," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Di Selangor pula, hasil tangkapan ikan nelayan bot kecil atau kelas 'A' di Sabak Bernam dan Kuala Selangor didapati turun secara signifikan dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini sehingga mencecah lebih 50 peratus.

Malah, golongan nelayan menyatakan sumber penda-

Keadaan cuaca buruk seperti ribut, hujan lebat dan laut bergelora juga menjejaskan keberadaan nelayan untuk turun ke laut secara konsisten."

patan terjejas ketara apabila hanya peroleh sekitar RM60 sehari berbanding RM150 hingga RM200 sebelum ini.

Tangkapan sumber protein itu didakwa berkurangan atas pelbagai faktor termasuk pencerobohan nelayan kelas 'B' dan 'C' ke kawasan yang tidak sepatutnya, pelanggaran undang-undang seperti penggunaan pukat tunda atau bubu naga, pencerobohan nelayan asing serta pencemaran.

Sementara di Kelantan, berdasarkan rekod Jabatan Perikanan negeri, jumlah pendaratan ikan pada tahun lalu hanya mencecah 58,114.89 tan metrik dengan nilai borong dianggarkan RM615.46 juta.

Angka tersebut jauh lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya yang pernah merekodkan lebih 100,00 tan metrik ikan telah didaratkan di negeri ini pada 2017 dengan nilai borong mencecah RM1.16 bilion.

Trend itu membimbangkan nelayan di negeri ini yang bergantung sepenuhnya kepada sumber laut, pada masa sama ia memberi isyarat jelas bahawa hasil marin semakin tertekan akibat faktor cuaca, pencerobohan bot asing serta kos operasi yang kian meningkat.

Sementara itu, di Kedah dan

Terengganu masing-masing mencatatkan pendaratan ikan tidak menentu dengan beberapa kali mengalami penurunan ketara sebelum kembali meningkat.

Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Kedah, tahun 2016 merekodkan pendaratan tertinggi iaitu 1,574,446 tan metrik, manakala tahun terendah dicatatkan pada 2023 dengan hanya 1,270,277 tan metrik. Pada tahun 2024, ia melonjak 9.6 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada 1,392,130 tan metrik.

Manakala di Terengganu, berdasarkan statistik rasmi Jabatan Perikanan Negeri Terengganu diperoleh *Utusan Malaysia*, pada 2020, jumlah pendaratan direkodkan sebanyak 37,226.98 tan metrik namun, jumlah itu menurun kepada 30,646.56 tan metrik pada 2021, iaitu penurunan lebih 6,500 tan metrik.

Bagaimanapun, 2022 menyaksikan sedikit pemulihan apabila jumlah pendaratan meningkat kepada 33,693.18 tan metrik hasil daripada pertambahan bilangan bot nelayan yang kembali beroperasi selepas kekangan sebelumnya.

Trend positif ini berterusan pada 2023, apabila pendaratan melonjak kepada 45,699.06 tan metrik iaitu angka tertinggi dalam tempoh lima tahun. Peningkatan tersebut didorong oleh peningkatan operasi bot penangkapan ikan, keadaan cuaca yang lebih baik, serta permintaan pasaran yang tinggi terhadap hasil laut.

Namun, pada tahun lalu, jumlah pendaratan kembali mencatat penurunan kepada 39,657.40 tan metrik. Penurunan hampir 6,000 tan metrik itu disebabkan keadaan cuaca yang kurang menggalakkan termasuk hujan lebat dan angin kuat yang menjejaskan aktiviti laut. Selain itu, pengurangan operasi bot turut menyumbang kepada kemerosotan jumlah tangkapan.

Ladang 15 UPM jadi platform pembelajaran, keterjaminan makanan

Program di Fakulti Pertanian
jadi penyumbang utama bekalan
telur segar kepada komuniti
kampus dan masyarakat sekitar



Fokus

Oleh Nur Syazida
Kamardin Azzah
ihpendidikan@bh.com.my

Ladang 15 UPM bukan sekadar platform pembelajaran dan penyelidikan pelajar, Ladang 15, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menjadi penyumbang utama bekalan telur segar kepada komuniti kampus dan masyarakat sekitar.

Setiap pagi, ribuan biji telur segar dikutip dari ladang itu hasilernakan ayam baka ISA Brown yang terkenal jinak, mesra manusia dan sangat produktif. Mampu menghasilkan sehingga 350 biji telur sehari atau hampir sebilu setiap hari, baka ini diiktiraf sebagai antara ayam penelur paling efisien di dunia.

Di Ladang 15, Fakulti Pertanian sebanyak 1,500 ekor ayam HISEX Brown diternak di bawah kelolaan pembantu veterinar, Mior Mohd Nizam Mior Mohd Shopi bersama pasukannya, dengan pengawasan pensyarah Jabatan Sains Haiwan juga penyelaras ladang.

Projek berkenaan yang dimulakan sejak Disember 2024, ia turut membabitkan pelajar kursus Sains Poltri, Produksi Ayam Penelur, Pertanian Ternakan dan Rekabentuk serta Infrastruktur Ladang Ternakan, ditambah antara 40-50 orang pelajar lagi dari kelas amali.

Mior Mohd Nizam berkata, pengurusan di Ladang 15 meliputi keseluruhan rantaian, bermula daripada penjagaan kesihatan ayam, kebersihan reban sehingga pemasaran telur. Hasil pengeluaran harian mencecah 1,000 hingga 1,500 biji telur, dengan pe-

ngutipan dilakukan seawal pagi bagi memastikan kesegaran terjamin.

Katanya, bagi mengelakkan 'stres' pada ayam dan mengekalkan produktiviti, reban dibersihkan secara berkala.

"Keselesaan ayam adalah faktor utama. Bila ayam sihat dan tenang, kualiti telur juga lebih baik," katanya.

Mior Mohd Nizam berkata, antara rutin penternakan ayam di ladang itu, setiap pagi antara jam 8 hingga 8.30, beliau akan melakukan proses pengedaran telur yang dibuat secara manual dibantu oleh dua orang petugas.

Katanya, walaupun membabitkan jumlah ternakan yang besar, keseluruhan kerja dapat diselesa-

ikan dalam tempoh satu hingga satu setengah jam.

"Telur digred mengikut piawaian pasaran berdasarkan berat dan saiz AA, A, B, C dan D. Gred AA biasanya melebihi 71 gram dan pernah mencapai sehingga 100 gram, manakala gred A hingga D lebih konsisten menjadi hasil utama.

"Jika ada telur yang retak atau pecah, kami tidak akan bazirkan. Ia akan dijadikan makanan haiwan ruminan di ladang, sekali gus mengurangkan kos makanan serta menyokong amalan kelestarian Fakulti Pertanian," katanya.

Rekod harian pengeluaran disimpan dengan teliti, manakala laporan bulanan disediakan untuk analisis prestasi. Walaupun

masih menggunakan kaedah manual, sistem ini kekal praktikal dan cekap memandangkan skala ternakan yang sederhana.

Hubung dengan pembeli

Telur segar Ladang 15 mendapat permintaan tinggi dalam kalangan warga UPM serta masyarakat sekitar. Harga ditawarkan mengikut gred pasaran semasa, manakala pihak ladang turut memberikan jaminan pengedaran sekiranya terdapat aduan berhubung kualiti. Usaha ini meningkatkan keyakinan pembeli terhadap produk UPM.

Bagi memastikan mutu pengeluaran sejajar dengan piawaian industri, Unit Poultry merujuk kepada standard syarikat besar seperti

QL Resources Berhad, antara pemain utama industri telur negara. Dengan perbandingan ini, Ladang 15 memastikan kualiti telur setara dengan kehendak pasaran.

Mior Mohd Nizam berkata, projek ayam penelur Ladang 15 bukan sekadar operasi komersial, tetapi turut menjadi platform pendidikan dan penyelidikan.

Malah melalui kerjasama dengan pensyarah, pelajar dan rakan industri, ia menyediakan peluang latihan praktikal, program pengajaran serta kajian akademik yang relevan dengan keperluan semasa.

Selain di Ladang 15, projek ternakan ayam penelur turut dijalankan di Pusat Pertanian Putra serta melalui inisiatif pelajar, sekali gus memperluas skala pengeluaran dan impaknya kepada komuniti.

"Bidang penternakan ayam penelur kerana permintaan tinggi terhadap telur segar sentiasa tinggi sepanjang masa.

"Dengan pengurusan yang sistematik, pendekatan lestari dan sokongan rakan industri, bidang ini menjanjikan masa depan yang cerah. Penternakan ayam bukan sekadar sumber pendapatan, tetapi juga sumbangan kepada keselamatan makanan negara," katanya.

Katanya, Projek Ladang 15 membuktikan bahawa sektor penternakan mampu menjadi model integrasi antara akademik, industri dan komuniti.

Apatah dengan reputasi sebagai pembekal telur segar berkualiti, inisiatif ini menyokong kelestarian makanan dan kesejahteraan masyarakat, seiring dengan visi UPM sebagai universiti bertaraf dunia.



Ayam penelur yang diternak di Ladang 15, Fakulti Pertanian UPM.